

Asri — Nik Aziz sudah berdamai

KOTA BAHARU, Ahad — Ketua Majlis Ulama PAS, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan bekas Yang Dipertua Agung parti itu, Datuk Haji Mohd. Asri telah 'berdamai'.

Perdamaian itu dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS di Kuala Lumpur, sebelum Muktamar Agung parti itu, akhir Oktober lalu.

Menurut sumber-sumber parti itu, Haji Nik Aziz telah membatalkan 'perdamaian' itu dalam perjumpaan antara Jawatankuasa Agung dengan ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri Kelantan, 4 Disember lalu.

Haji Nik Aziz memberitahu lebih 200 orang pemimpin PAS di perjumpaan tertutup itu, masalah beliau dengan Datuk Asri telah selesai dan tidak berbangkit lagi.

Prasangka

Berita Harian difahamkan, dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung itu, Haji Nik Aziz dan Datuk Asri telah menyelesaikan 'masalah' antara mereka berdua.

Sebahagian ucapannya di perjumpaan itu yang dapat didengar oleh para

wartawan, antara lain menyebut, beliau tidak sekali-kali mempunyai sebarang prasangka buruk dan krisis peribadi dengan Datuk Asri.

Katanya, soal beliau berkrisis atau berperang dengan Datuk Asri tidak timbul sama sekali.

Haji Nik Aziz berkata, beliau menfatkan Datuk Asri sebagai 'adik-beradiknya' sendiri, sebab mereka telah lama sama-sama berjuang dalam PAS.

Menurut beliau yang juga Pesuruhjaya PAS Kelantan, terdapat anasir-anasir atau golongan tertentu yang cuba 'musnahkan' hubungan baik antara beliau dengan Datuk Asri, dengan membuat berbagai kenyataan akhbar yang mengelirukan.

Untuk membuktikan

beliau tidak lagi berkrisis dengan Datuk Asri, Haji Nik Aziz pernah membuat kenyataan, beliau selaku Ketua Dewan Ulama PAS akan menentang sebarang usul undi tidak percaya ke atas Datuk Asri dalam Muktamar PAS yang baru lalu.

Perkembangan terbaru ini diperkuatkan oleh kenyataan Datuk Asri di sini baru-baru ini bahawa beliau tidak berkrisis dengan Haji Nik Aziz atau dengan sesiapa pun.

Bagaimanapun, pemerhati politik negeri ini termasuk beberapa orang tokoh PAS dan Kumpulan 18 yang menyokong Datuk Asri berpendapat, sengketa antara Datuk Asri dengan golongan tertentu yang disifatkan radikal, masih berterusan.